

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 10 APRIL 2017

KERATAN AKHBAR

Audit naik taraf jeti

Seragamkan pembinaan dengan penyediaan kemudahan asas

SIJANGKANG - Kerajaan negeri perlu meneliti termasuk mengaudit seluruh jeti di Selangor terlebih dahulu supaya kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan yang dilakukan dapat diseragamkan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kaunpung Tradisi negeri, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, pembinaan baik pulih itu perlu merangkumi kemudahan asas komuniti.

"Tidak kira jeti itu untuk nelayan atau tujuan rekreasi, kemudahan asas perlu disediakan termasuk tandas dan tempat makan serta minum bagi keselesaan semua pihak dan kita sedang memberi fokus terhadap kemudahan berkenaan.

"Saya faham isu tanah kadangkala menjadi penghalang sebahagian pihak melancarkan sesuatu projek," katanya apabila diminta mengulas mengenai status tanah di Pangkalan Nelayan Sri Tanjung, di sini.

Ahmad Yunus yang juga Adun Sijanggang berkata, pihaknya tidak menisikan keperluan menaik taraf jeti di Pangkalan Nelayan Sri Tanjung berkenaan namun perlu menunggu kebenaran pembaikan daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Selepas berhubung dengan LUAS, difahamkan, mereka baru selesai kajian jumlah untuk mendapatkan kesemua maklumat sebelum kebenaran diberikan.

"Kita pun tak halang sesiapa nak menaik taraf tempat itu tapi kita mahukan kemudahan di situ dirancang dengan lebih baik dan selesa," katanya.

Pada 6 April lalu, Sinar Harian melaporkan nelayan memohon kerajaan negeri memudahkan proses permohonan nelayan demi keselesaan.

Difahamkan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM50,000 bagi projek naik taraf pangkalan namun ia tidak dapat dilaksanakan atas pelbagai faktor termasuk syarat tanah.



Antara jeti nelayan yang perlu dinaik taraf.



AHMAD YUNUS